



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH
1 JUN 2023 HINGGA 7 JUN 2023**

Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism*, harga runcit produk petroleum bagi tempoh 1 Jun 2023 hingga 7 Jun 2023 adalah ditetapkan seperti berikut:

- (i) harga runcit petrol RON97 dinaikkan sebanyak 2 sen seliter daripada RM3.35 seliter kepada RM3.37 seliter;
- (ii) harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.05 seliter; dan
- (iii) harga runcit diesel kekal pada paras RM2.15 seliter.

Bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global, Kerajaan masih mengekalkan harga runcit petrol RON95 pada paras harga siling RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter, sungguhpun harga pasaran sebenar bagi kedua-dua produk telah melebihi paras harga siling yang telah ditetapkan.

Kerajaan juga akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
31 Mei 2023